

GOLONGAN KATA

GOLONGAN KATA: Latihan 1

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

besar	daripada	didera	dipaksa	lumayan
mampu	masalah	mendapat	mengecapi	pada
pikul	rumit	sahaja	pekerjaan	usia

Zaman kanak-kanak merupakan satu zaman yang penuh dengan kenangan manis. Mereka tidak perlu (1)_____ sebarang tanggungjawab. Dalam zaman kanak-kanak inilah mereka bebas daripada segala (2)_____. Semuanya akan ditanggung oleh ibu bapa. Kanak-kanak tidak perlu memikirkan hal-hal yang (3)_____.

Walaupun begitu, sebilangan besar kanak-kanak tidak berpeluang (4)_____ zaman yang sepatutnya menggembirakan ini. Ramai kanak-kanak di negara-negara miskin tidak bersekolah walaupun sudah mencapai (5)_____ untuk bersekolah. Golongan yang kurang bernasib baik ini biasanya berasal (6)_____ keluarga-keluarga miskin. Sebaliknya mereka terpaksa mencari pekerjaan di kilang-kilang, restoran, tapak pembinaan atau di mana-mana (7)_____. Ada pula yang (8)_____ bekerja dengan menerima upah yang tidak seberapa. Kebanyakan daripada mereka ini dilahirkan di dalam keluarga yang (9)_____. Ibu bapa tidak mampu menanggung anak-anak mereka yang ramai itu. Oleh itu, kanak-kanak ini tidak dihantar ke sekolah. Kanak-kanak ini terpaksa mencari (10)_____ untuk memperolehi wang kerana terdesak. Mereka tidak mempunyai pilihan lain kecuali bekerja.

GOLONGAN KATA: Latihan 2

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

akan	bantahan	bergantung	dalam	damai
dikira	ditentukan	elakkan	kekalkan	kekayaan
penting	perbezaan	perhatian	perpaduan	untuk

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita telah buktikan betapa matang pemikiran kita. Kita tidak ambil kira (1)_____ cara hidup pelbagai kaum dan agama. Kita telah berjaya (2)_____ hidup bersatu-padu dan bekerjasama. Syabas! Kita mahu hidup dalam suasana aman dan (3)_____. Kita perlu (4)_____ hubungan baik antara satu sama lain. Kita mesti (5)_____ sengketa yang boleh sebabkan keadaan huru-hara dan tidak diingini.

Perpaduan rakyat adalah asas (6)_____ untuk kemajuan sesebuah negara. Tanpa (7)_____ rakyat, sesebuah negara akan mengalami keadaan huru-hara. Ini (8)_____ bantutkan kemajuan dan pembangunan negara.

Di negara kita, soalan perpaduan sentiasa mendapat (9)_____ utama daripada semua lapisan masyarakat. Kemakmuran dan kemajuan negara (10)_____ kepada perpaduan dan semangat kerjasama rakyatnya. Oleh itu, semua kaum hendaklah sentiasa hidup tolong-menolong tanpa mengambil kira perbezaan agama, bahasa, bangsa dan cara hidup demi kemakmuran dan kemakmuan negara.

GOLONGAN KATA: Latihan 3

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

gembira	berasa	bergegas	bimbang	dengan
panggilan	kecewa	makan	memanggil	mengapa
tangisan	perlu	segera	suara	susu

Sudah menjadi kebiasaan bayi yang masih kecil suka menangis. Ibu bapa tidak perlu (1)_____ kerana itulah satu-satunya perkara yang normal. Bayi-bayi berhubung (2)_____ ibu bapa atau penjaga mereka melalui tangisan mereka. Ibu bapa harus berasa (3)_____ jika bayi mereka boleh menangis. Ada masa bayi akan menangis dengan (4)_____ yang kuat. Sebaliknya, jika bayi itu tidak menangis, ibu bapa harus bawa bayi mereka berjumpa doktor dengan (5)_____.

Ada beberapa sebab (6)_____ seseorang bayi itu menangis. Antaranya ialah lapar, resah, kesepian, letih atau tidak sihat.

Bayi-bayi akan menangis jika mereka (7)_____ lapar dan perlukan susu. Bukan semua (8)_____ itu bererti bayi itu lapar. Biasanya bayi (9)_____ susu setiap tiga jam sekali. Jika bayi itu menangis sebelum tiga jam mendapat (10)_____, bererti dia menangis bukan kerana lapar. Bagaimana pun kebanyakan ibu menyangka bayinya lapar dan memberinya susu lagi. Ini menyebabkan bayi itu diberi makan yang berlebihan.

GOLONGAN KATA: Latihan 4

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

bersekolah	berupaya	di	ke	kecil
kecuali	mahu	minggu	perbelanjaan	sehingga
sekali	tahun	tercedera	terkorban	tetapi

Farhan menjadi yatim piatu semasa dia berusia tiga tahun. Ibu bapanya (1)_____ dalam suatu kemalangan jalan raya. Neneknya membela Farhan (2)_____ beliau meninggal dunia lima tahun kemudian. Semasa itu Farhan (3)_____ dalam darjah tiga. Farhan tiada saudara-mara lain (4)_____ Pak Longnya. Pak Longnya itu tidak (5)_____ membela Farhan. Dia sendiri mempunyai enam orang anak yang masih (6)_____ dan bersekolah. Pendapatan Pak Longnya itu tidak cukup untuk menampung (7)_____ keluarganya sendiri. Pak Longnya terpaksa tempatkan Farhan (8)_____ rumah anak-anak yatim.

Seminggu (9)_____, Pak Longnya dan anak-anaknya akan melawat Farhan di rumah anak-anak yatim itu.

Kini, sudah tujuh (10)_____ Farhan di rumah anak yatim itu. Dia dapat pergi ke sekolah seperti kanak-kanak lain dan sekarang menuntut di sebuah maktab rendah. Makan minumannya dijaga dengan sempurna. Farhan suka tinggal di rumah anak-anak yatim itu kerana pegawai-pegawai yang menjaga kanak-kanak di rumah itu semuanya bertanggungjawab dan baik-baik belaka

GOLONGAN KATA: Latihan 5

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

akibat	angin	berusaha	bila	dengan
gembira	kelihatan	memandu	menunggang	nafas
oleh	semasa	sesuatu	tegas	tinggi

Sebaik sahaja saya menapakkan kaki ke dalam kawasan sekolah, saya akan kenangkan Cikgu Wadi. Beliau pernah mengajar saya (1)_____ saya dalam darjah lima. Sekarang Cikgu Wadi, guru kesayangan kami sudah pergi untuk selama-lamanya (2)_____ kemalangan jalan raya. Pada hari itu, beliau sedang pulang dari sekolah dengan (3)_____ skuternya apabila dilanggar oleh sebuah lori. Cikgu Wadi menghembuskan (4)_____ nya yang terakhirnya di dalam ambulans yang sedang membawanya ke hospital.

Allyarham Cikgu Wadi seorang guru yang baik hati, pelembut, bertimbang rasa tetapi (5)_____. Beliau sentiasa (6)_____ kemas. Air muka dan wajahnya sentiasa tenang, ceria dan (7)_____. Allahyarham Cikgu Wadi seorang yang bertanggungjawab dan (8)_____ bersungguh-sungguh untuk mendidik kami. Beliau selalu berdamping (9)_____ murid-muridnya. Kami, murid-muridnya sungguh menghormati dan pandang (10)_____ terhadapnya.

Pertolongan dan jasanya kepada saya sungguh banyak. Saya, seorang pelajar miskin dan menerima bantuan sekolah untuk terus bersekolah. Bahan-bahan tambahan yang perlu dibeli juga akan beliau belikan saya dengan wangnya sendiri.

GOLONGAN KATA: Latihan 6

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

amalkan	belum	berfaedah	berharga	berlalu
jangan	ketinggalan	mengejar	menggelapkan	merugikan
perlu	sampai	suntuk	tertunggu	tugasan

Masa sangat berharga dalam penghidupan kita sehingga lahirnya pepatah “Masa Itu Emas”. Setiap saat yang telah (1)_____ itu tidak akan dapat dikembalikan. Oleh yang demikian, masa haruslah diisikan dengan sesuatu yang (2)_____.

Bagi seseorang murid sekolah, masanya (3)_____ diisikan dengan menimba berbagai-bagai ilmu yang berguna. Seseorang murid itu haruslah rajin ke sekolah dan (4)_____ sekali-kali ponteng sekolah. Perbuatan ponteng sekolah akan (5)_____ dirinya sendiri.

Segala (6)_____ yang diberi oleh guru hendaklah disiapkan dengan segera. Jangan (7)_____ perbuatan bertanggung. Perbuatan bertanggung akan menyebabkan kita (8)_____ masa. Tugas baru akan bertambah tetapi tugas lama (9)_____ diselesaikan lagi. Seseorang murid akan menjadi tidak tentu arah dengan tugas-tugas sekolah yang berlambak. Ini akan menyebabkannya (10)_____ dalam pelajarannya. Sebagai panduan, pelajar-pelajar mesti siapkan jadual harian mereka dalam penggunaan masa harian mereka.

GOLONGAN KATA: Latihan 7

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

anggap	bezakan	dengan	ilmu	jauhkan
kecundang	manfaat	mengatakan	menjadi	menyuluh
pada	persekolahan	rezeki	sempurna	sesuaikan

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam penghidupan seseorang. Ramai yang (1)_____ pendidikan lebih penting daripada wang ringgit. Pendidikan menjadi penerang seseorang. Pendidikanlah akan (2)_____ jalan hidup masa depan seseorang itu menjadi cerah. Pepatah 'Orang yang berilmu itu seperti pokok yang berbuah' yang bermaksud memberi (3)_____ kepada seseorang. Seseorang yang berpendidikan dapat (4)_____ dirinya menghadapi keadaan dalam hidupnya. Dia dapat (5)_____ apa-apa yang baik dan buruk dalam hidupnya. Ilmu yang telah ditimba melalui (6)_____, pembacaan, kajian dan sebagainya akan menjadi pedomannya.

Seseorang peniaga yang berpendidikan tahu dan boleh mencari jalan untuk kendalikan perniagaannya dengan (7)_____. Jika dia gagal sekali pun, dia tidak mudah (8)_____. Dia akan dapat mengatasi masalahnya (9)_____ fikiran rasional. Ini adalah kerana (10)_____ yang telah diperolehinya menjadikannya panjang akal.

Sebagai contoh, harta benda dan kekayaan seseorang yang tidak berilmu boleh lesap kerana tidak dapat diuruskan dengan sewajarnya. Sebaliknya jika seseorang itu cukup berpendidikan, dia tentu dapat menguruskan cara hidupnya dengan sempurna.

GOLONGAN KATA: Latihan 8

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

angkuh	atau	bangga	balasan	berguna
ganjaran	harmoni	jasa	jika	kerjasama
melatih	memelihara	merasai	segak	terfikir

Sejak kita dilahirkan, ibu bapa telah mencurahkan kasih sayang yang tidak terhingga kepada kita. Pernahkah kita (1)_____ sama ada kita telah berbuat serupa terhadap mereka. Kita mesti berterima kasih kepada mereka yang telah (2)_____ kita sebagaimana peribahasa Melayu "seperti menatang minyak yang penuh".

Mereka melindungi, memimpin dan mengasuh kita supaya menjadi anak yang (3)_____ dan bertanggungjawab. Mereka tidak mengharapkan (4)_____ kita dalam bentuk wang ringgit. Mereka akan berasa besar hati dan (5)_____ dapat melihat anak-anak mereka menjadi manusia yang berguna dan bertanggungjawab. Kita mesti membalas (6)_____ mereka dengan penuh kasih sayang dan mencapai matlamat ini. Wang ringgit tidak akan bererti (7)_____ mereka mendendam rasa kerana melihat tingkah laku anak-anak mereka yang besar kepala dan derhaka. Dalam sesebuah keluarga, kita dapat menolong ibu dan bapa dengan memberi (8)_____. Sesuatu pekerjaan sama ada berat (9)_____ ringan jika dilakukan bersama-sama akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Dengan adanya kasih sayang antara anak-anak dan ibu bapa, akan wujud sebuah keluarga yang (10)_____. Kasih sayang antara ibu bapa dan anak tidak dapat dijual beli. Ia mesti dibina dari hati ke hati.

GOLONGAN KATA: Latihan 9

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

amalan	berbilang	enggan	hubungan	kediaman
kepada	membaiki	membina	melihat	menikmati
pekerjaan	tanggungjawab	tidak	wujudkan	yang

Setiap penduduk Singapura hidup berjiran tidak kira tempat dan jenis (1)_____ yang dihuni atau kedudukan dan pangkat seseorang.

Dalam negara (2)_____ bangsa dan agama seperti Singapura, semangat kejiiran adalah amat penting. Semangat kejiiran dapat merapatkan (3)_____ antara seseorang dengan masyarakat. Ini dapat (4)_____ masyarakat yang bersatu padu. Oleh itu, semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat (5)_____ berbilang kaum perlu dititikberatkan setiap masa.

Semangat kejiiran boleh (6)_____ sikap suka bekerjasama dalam segala hal. Sikap bekerjasama ini hendaklah menjadi (7)_____ hidup kita. Tanpa semangat kejiiran ini, kita (8)_____ dapat sesuaikan diri dalam masa-masa kecemasan. Maka, sikap kejiiran amatlah penting (9)_____ setiap individu di negara kita.

Kita harus berasa bangga dapat (10)_____ semangat kejiiran yang begitu kuat dalam masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan agama ini. Semangat kejiiran, perpaduan dan bekerjasama ini dapat dikekalkan dengan amalan faham-memahami, bertimbang rasa dan mempunyai sikap bertoleransi antara satu sama lain.

GOLONGAN KATA: Latihan 10

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

berat	dari	daripada	kecewa	kepada
mempunyai	memupuk	mengelak	menghulur	perbicaraan
saling	sengketa	sikap	tanpa	tenteram

Jiran-jiran adalah orang-orang yang tinggal berhampiran dengan kita. Mereka amat penting (1)_____ kita. Kesejahteraan dan kesejahteraan hidup di tempat tinggal akan terjamin jika kita (2)_____ jiran-jiran yang baik.

Ada banyak cara yang boleh kita lakukan untuk (3)_____ semangat kejiranan. Antaranya ialah kunjung-mengunjungi, bertegur-sapa, mengambil tahu dan (4)_____ pertolongan.

Jika semangat kejiranan diabaikan, hidup menjadi tidak (5)_____. Kemungkinan berlakunya (6)_____ yang tidak diingini. Besar kemungkinan perkelahian, kecurian, rompakan dan sebagainya akan terbit (7)_____ masa ke semasa. Ini adalah kerana masing-masing tidak mahu mengambil (8)_____ tentang hal orang lain.

Sifat bertolak ansur dan (9)_____ bantu-membantu tanpa mengira siapa adalah kunci mewujudkan semangat kejiranan. Jiran yang mempunyai (10)_____ sebegini akan disegani oleh ramai orang. Semangat kejiranan penting untuk diwujudkan kerana ia adalah kunci keharmonian negara.